

TARIKH : 27 FEBRUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 22

Keperluan seimbang sokong ekonomi, penyatuan fiskal

Keperluan seimbang sokong ekonomi, penyatuan fiskal

Sektor pengguna raih manfaat daripada bantuan berterusan diberikan kerajaan

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Belanjawan 2023 mempamerkan keseimbangan di antara keperluan untuk menyokong ekonomi dan komitmen terhadap penyatuan fiskal, demikian mengikut OCBC Bank.

Menurut Ketua Ekonominya, Selena Ling, defisit belanjawan 2023 telah ditetapkan pada 5.0 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), yang adalah peningkatan daripada 5.6 peratus daripada KDNK untuk 2022.

Katanya, penambahbaikan itu akan dicapai melalui saiz KDNK nominal yang lebih tinggi sementara jumlah defisit fiskal jangka menjadi lebih kecil daripada hasil 2022.

"Pakej perbelanjaan untuk 2023 agak kecil daripada hasil untuk 2022 tetapi tetap bermurah hati. Pengurangan perbelanjaan fiskal yang dijangkakan adalah disebabkan oleh tamat tempoh dana COVID-19 dan langkah pengoptimuman perbelanja-

an seperti mengurangkan pembaziran perbelanjaan dan beralih ke rangka kerja subsidi yang lebih disasarkan.

"Anggaran itu tetap menyokong pertumbuhan ekonomi baik pada jangka pendek dan jangka panjang. Peruntukan perbelanjaan pembangunan dirancang pada RM97 bilion, peningkatan yang ketara dari tahun sebelumnya.

"Ini dijangka dapat meningkatkan potensi pertumbuhan jangka panjang Malaysia melalui pelaburan dalam infrastruktur, kemudahan penjagaan kesihatan dan institusi pendidikan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

"Sebagai contoh, Malaysia akan memperluaskan kapasiti lapangan terbang Pulau Pinang dan Subang, yang tepat pada masanya memandangkan ketibaan pelawat antarabangsa yang semakin meningkat, terutamanya dengan pembukaan semula China," katanya dalam kenyata-

an. Tambahnya, terdapat dasar untuk meluaskan asas cukai dan menyelaraskan pelepasan cukai untuk mengurangkan kesan ke atas hasil fiskal.

"Kami percaya dasar ini akan dilaksanakan dengan cara yang ditentukan kerana kerajaan menyedari cabaran peningkatan kos sara hidup khususnya bagi kumpulan terje-

jas," katanya.



Sokong permintaan domestik

Sementara itu MIDF Research dalam nota penyelidikannya menjangkakan sektor pengguna akan mendapat manfaat daripada bantuan berterusan yang diberikan dalam Belanjawan 2023.

Firma penyelidikan itu berkata, pelbagai bantuan kewangan, subsidi dan inisiatif yang diberikan kepada kumpulan pendapatan B40 serta penjawat awam akan menyokong permintaan domestik dan meningkatkan perbelanjaan pengguna untuk barangan keperluan.

"Justeru, kami menjangkakan bantuan tunai akan melonjakkan jualan untuk syarikat berkaitan penggunaan harian (ruji)," katanya.

Tambahnya, memandangkan pemulihan ekonomi domestik yang berterusan, perbelanjaan penggunaan swasta Malaysia dijangka meningkat sebanyak 6.1 peratus pada 2023 (Be-

lanjawan 2023 Edisi Pertama: 6.3 peratus).

"Pemulihan berterusan dalam pasaran buruh, pertumbuhan pendapatan yang semakin baik dan pengukuhan aktiviti pelancongan di tengah-tengah pembukaan semula China akan memacu penggunaan swasta dan permintaan domestik," katanya.

Program Sumbangan Tunai Rahmah untuk golongan B40 bernilai hampir RM8 bilion serta bantuan kewangan khas kepada penjawat awam dan pesara kerajaan akan menyokong perbelanjaan isi rumah terutamanya pada separuh pertama 2023, kata MIDF Research.

Selain itu, kerajaan memberi sokongan tambahan untuk permintaan pengguna melalui pengurangan cukai pendapatan individu sebanyak dua peratus terutamanya mereka yang berpendapatan tahunan RM50,000 hingga RM100,000 setahun.

Mengenai cada-

Anggaran itu tetap menyokong pertumbuhan ekonomi baik pada jangka pendek dan jangka panjang. Peruntukan perbelanjaan pembangunan dirancang pada RM97 bilion, peningkatan yang ketara dari tahun sebelumnya

Selena Ling,
Ketua
Ekonomi
OCBC Bank



ngan cukai keuntungan modal ke atas pelupusan saham tidak tersenarai, MIDF Research berkata ia mungkin menarik lebih banyak penyenaraian.

"Tambahan pula, Suruhanjaya Sekuriti akan memudahkan lebih banyak pasaran sekunder untuk instrumen pasaran swasta bagi meningkatkan kecairan dan membolehkan penemuan harga yang lebih baik," katanya.

